

# Langkah tepat pelihara kesucian Islam

34 19.5.23

**Kuala Lumpur:** Keputusan Kabinet untuk mempersembahkan cadangan bagi mengukuhkan penguatkuasaan dasar berhubung kalimah Allah kepada Majlis Raja-Raja adalah langkah yang tepat bagi memelihara kesucian Islam.

Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim, berkata langkah itu bertepatan dengan sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Sultan untuk menjaga Islam pada setiap masa.

"Ini langkah yang tepat. Apabila Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) dipengerusikan oleh Sultan, ia memberi maksud isu Islam dan sensitiviti yang membabitkan umat Islam mesti dirujuk kepada institusi tertinggi, yang bertanggungjawab menjaga agama, iaitu institusi Istana," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas langkah Kabinet yang mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin

Al-Mustafa Billah, untuk mempersembahkan cadangan bagi mengukuhkan penguatkuasaan dasar berhubung kalimah Allah kepada Majlis Raja-Raja.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kenyataan media berkata, langkah itu bertujuan menyelesaikan isu kalimah Allah secara menyeluruh dan bersepadu, selain memperlihatkan kerajaan komited memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum serta agama di negara ini.

Sementara itu, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman, berkata sebarang cadangan membabitkan Islam dan umat Islam sememangnya perlu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja semula.

"Kuasa agama negeri ini adalah bawah bidang kuasa Istana. MKI juga sudah melarang mengguna sesuatu benda lain dengan menggunakan kalimah Allah kerana kalimah itu sepatutnya ha-

## Majlis Raja-Raja putuskan isu kalimah Allah

Kabinet semalam mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah di-Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) untuk mempersembahkan cadangan bagi mengukuhkan penguatkuasaan dasar berhubung kalimah 'Allah' kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI).

*Keratan akhbar BH semalam.*

nya merujuk kepada Allah SWT yang Maha Esa," katanya.

Setiausaha Eksekutif Majlis Ulama UMNO (MUU), Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, pula berkata undang-undang berhubung perkara itu sudah ada, menerusi enakmen di negeri di seluruh negara kecuali di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

"Keputusan Mahkamah Persekutuan pun sudah menoktahkan bahawa kalimah Allah milik orang Islam sahaja dalam konteks Malaysia.

"Cuma, tinggal lagi penguatkuasaan kepada penguatkuasaan menerusi pekeliling kerajaan yang jelas sehingga tidak memberi ruang kepada cabaran di mahkamah seperti berlaku kepada isu rampasan cakera padat (CD) dari Indonesia yang tercatat kalimah Allah pada tajuknya," katanya.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Datuk Hasanuddin Mohd Yunus, berkata keputusan kerajaan itu membuktikan Kabinet tidak berkompromi dalam mempertahankan kesucian Islam dan kedaulatan undang-undang atau enakmen agama Islam di negara ini.

"Ini akan menjadikan penguatkuasaan terhadap penggunaan kalimah tertentu, yang hanya boleh digunakan orang Islam dapat diperkemas dan dikuat kuasa dengan tegas serta jelas tanpa mengetepikan hak serta kebebasan individu bukan Islam untuk mengamalkan agama masing-masing," katanya.